

Ruj. Kami : ANM.PK.A 600-1/8 Jld.2 (41)
Tarikh : 09 Januari 2024

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

TARIKH PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI VOT, TERIMAAN, DEPOSIT DAN AMANAH BAGI TAHUN 2024

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah diminta mengemukakan Sijil Pengesahan Baki (SPB) selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) seperti berikut:

- 2.1 **Vot** - SPANM Bil.5 Tahun 2023 menetapkan bahawa SPB hendaklah dikemukakan ke Pejabat Perakaunan **selewat-lewatnya pada 14 haribulan bulan berikutnya;**
- 2.2 **Terimaan** - SPANM Bil.3 Tahun 2019 menetapkan bahawa SPB hendaklah dikemukakan ke Pejabat Perakaunan **selewat-lewatnya pada 14 haribulan bulan berikutnya;**
- 2.3 **Deposit** - SPANM Bil.1 Tahun 2023 menetapkan bahawa SPB dan Senarai Baki Pendeposit hendaklah dikemukakan ke JANM Negeri/Cawangan dan disalinkan kepada Bahagian Akaun Kementerian dalam tempoh **14 hari dari hari pertama bekerja bulan berikutnya;** dan
- 2.4 **Amanah** - SPANM Bil.4 Tahun 2021 menetapkan bahawa SPB perlu dikemukakan kepada PTJ Dipertanggung dan disalinkan kepada JANM Negeri/Cawangan dalam tempoh **14 hari dari tarikh laporan PTJ dijana.**

3. Kerjasama YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah diminta untuk mematuhi tarikh penghantaran SPB seperti berikut:

BULAN	TARIKH AKHIR PENGHANTARAN SPB	
	VOT / TERIMAAN / AMANAH	DEPOSIT
Januari	14/02/2024	14/02/2024

Februari	14/03/2024	14/03/2024
Mac	12/04/2024	12/04/2024
April	14/05/2024	15/05/2024
Mei	14/06/2024	14/06/2024
Jun	12/07/2024	12/07/2024
Julai	14/08/2024	14/08/2024
Ogos	13/09/2024	13/09/2024
September	14/10/2024	14/10/2024
Oktober	14/11/2024	15/11/2024
November	13/12/2024	13/12/2024
Disember	14/01/2025	15/01/2025

4. Surat peringatan akan dikeluarkan sekiranya pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan tidak menghantar SPB pada tarikh yang telah ditetapkan.

5. Untuk pertanyaan lanjut berkaitan Sijil Pengesahan Baki, pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan boleh berhubung dengan pegawai-pegawai Unit Akaun, JANM Negeri Perak di talian 05-2462100 sambungan 152/154/155 dan 156. Keprihatinan YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan berkenaan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

UNIT AKAUN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK